





ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN, ST2 2025

Ekonomi Malaysia dianggarkan bertumbuh 4.5 peratus dengan nilai RM419.5 bilion, disokong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.



PRESTASI KDNK MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI - Perubahan Peratusan Tahunan



Nota: Tidak termasuk duti import

Anggaran KDNK Awal bagi suku tahun kedua 2025 adalah disusun berdasarkan ketersediaan data dua bulan pertama suku tahun tersebut (April & Mei) dan data anggaran bagi maklumat yang tidak tersedia. Anggaran ini boleh digunakan sebagai petunjuk awal pertumbuhan KDNK pada suku tahun tersebut dan tertakluk kepada semakan apabila data yang lebih komprehensif tersedia.


**PENERBITAN KDNK
PRELIMINARI ST2 2025:**



**OGOS 2025
(JUMAAT)**

Sumber: Akaun Negara, Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar Awal, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pertumbuhan KDNK Malaysia (%)



KDNK Malaysia dijangka berkembang 4.5 peratus, disokong permintaan domestik yang kukuh di sebalik tekanan global

- Anggaran awalan menunjukkan **ekonomi Malaysia bertumbuh 4.5 peratus** pada suku tahun kedua 2025, meningkat sedikit berbanding 4.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Momentum pertumbuhan terus kekal pada bulan April dan Mei, dengan jangkaan prestasi lebih kukuh dicatatkan pada bulan Jun. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana 4.4 peratus pada separuh tahun pertama 2025.
- Sektor **Perkhidmatan** kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun kedua 2025, mencatatkan peningkatan 5.3 peratus (ST1 2025: 5.0%), disumbang terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan.
- Sektor **Pembuatan** pula mencatatkan pertumbuhan 3.8 peratus (ST1 2025: 4.1%), disokong oleh pengeluaran Produk elektrik, elektronik & optikal serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan.
- Sektor **Pembinaan** merekodkan pertumbuhan dua digit bagi enam suku tahun berturut-turut dengan pertumbuhan 11.0 peratus (ST1 2025: 14.2%), disokong terutamanya oleh Bangunan bukan kediaman dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas.
- Sektor **Pertanian** mencatatkan peningkatan 2.0 peratus (ST1 2025: 0.6%), didorong oleh subsektor Kelapa sawit.
- Sementara itu, Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** terus menyusut kepada negatif 7.4 peratus (ST1 2025: -2.7%), dipengaruhi oleh pengeluaran yang lebih rendah dalam kesemua subsektornya.
- Susulan daripada anggaran awalan ini, KDNK preliminari yang menyediakan analisis terperinci dan komprehensif mengenai prestasi ekonomi bagi suku tahun kedua 2025 akan diterbitkan pada 15 Ogos 2025.

